

Penduduk Kampung Enam bingung banjir kerap berlaku

Oleh MANIRAH OTHMAN

MELAKA – Penduduk di Kampung Enam, Bachang di sini meminta pihak bertanggungjawab mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah banjir kilat yang kerap berlaku di kampung itu.

Dakwa mereka, kejadian berlaku akibat kerja-kerja menaik-taraf Sungai Melaka fasa kedua yang sedang dilakukan di belakang kediaman mereka.

Keadaan itu telah menyekat laluan air hujan masuk ke sungai dan melimpah di rumah penduduk mencecah satu meter.

Seorang penduduk, Mohd. Isa Yusuf, 54, memberitahu, kejadian pertama berlaku Isnin lalu dan berlarutan hingga kelmarin.

“Semalam, kira-kira pukul



Kongsi masalah dan cerita anda bersama Kosmo!. Hubungi talian 03-9221 4001 atau e-mel ke berita@kosmo.com.my.

4 pagi, air mulai naik hanya selepas kira-kira 15 minit hujan. Sebenarnya, kejadian banjir kilat sering berlaku di sini,” katanya.

Seorang lagi mangsa, Rashidi Buruk, 39 pula berkata, masalah tersebut berlaku disebabkan saluran perparitan sementara yang dibina pihak pemaju tidak cukup untuk menampung limpahan air ketika hujan lebat.

“Rumah pam juga tidak berfungsi untuk mengalihkan air yang melimpah ke sungai me-

nyebabkan air bertakung di kawasan kediaman penduduk. Biasanya air hanya akan surut selepas lima jam kemudian,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Kawangan negeri, Datuk Roslan Ibrahim ketika meninjau lokasi kejadian memberitahu, pihaknya telah meminta Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membuat beberapa parit sementara.

“Saliran air ke sungai memang ada tapi saiznya agak kecil dan saya telah minta supaya ia diperbesarkan,” katanya.

Jelasnya, jika masalah tersebut masih tidak dapat diatasi lagi, beliau akan meminta beberapa buah pam air dari beberapa kawasan lain digunakan di kawasan tersebut.



BEBERAPA penduduk Kampung Enam, Tengker, Melaka terpaksa mengharungi banjir kilat setiap kali turunnya hujan lebat.